



# PANDUAN AMBIL ALIH SENGGARAAN LIF DAN ESKALATOR



Bertujuan menambahbaik proses ambil alih kerja-kerja penyenggaraan lif dan eskalator dengan mengambil kira permasalahan dan maklumbalas daripada pemunya dan Firma Yang Diluluskan (FYK).

## A KRITERIA



Proses ambil alih perlu kebenaran Pejabat JKPP Negeri.

FYK memiliki manual penyenggaraan operasi yang lengkap dan prosedur menyelamat.

CP 1 ;  
i. Bertanggungjawab sepenuhnya.  
ii. Pengalaman  $\geq 5$  tahun sebagai CP1.

Nisbah OYK Lif tidak melebihi 1:200

## B PROSEDUR



Permohonan dikemukakan ke Pejabat JKPP Negeri satu (1) bulan sebelum pengambilalihan dilaksanakan.

Perjanjian FYK yang tamat/ditamatkan perjanjian perlu maklum Pejabat JKPP Negeri dengan segera.

Ambil alih boleh dilakukan sekurang-kurangnya satu (1) tahun selepas jentera didaftarkan.

Menaiktaraf lif dan eskalator perlu mematuhi kehendak kod rekabentuk terkini.

## C DOKUMEN PENGAMBILALIHAN

Surat Pernyataan/Perakuan ;  
i. Persetujuan pemunya akan cadangan penambahbaikan.  
ii. Perakuan pemunya untuk bertanggungjawab bagi memastikan lif disenggara dan selamat digunakan.

Laporan Teknikal disediakan oleh CP 1 ;  
i. Perincian teknikal keadaan semasa dan cadangan penambahbaikan.  
ii. Gambar keadaan jentera terutama *Essential Safety Device*.

Salinan Surat Tawaran yang diberikan oleh Wakil Pemunya atau Syarikat Penyenggara

Jadual Perbatuan/Carta Penyenggaraan  
i. Disediakan oleh CP 1.  
ii. Perincian terhadap komponen-komponen lif yang hendak disenggara dan jangkaan tempoh senggara.

## D MENAIKTARAF



1 FYK yang ambil alih adalah prinsipal asal lif perlu kemukakan perakuan pengilang

2 FYK yang ambil alih bukan prinsipal asal lif perlu kemukakan surat perakuan/ pengesahan daripada CP 1 dan Pengarah Urusan FYK.



Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi :  
Bahagian Keselamatan Industri,  
03-8886 5342

